



KENYATAAN MEDIA

PENGANTIN BARU MENAMBAH KEMERIAHAN PADA HARI PERTAMA OPERASI MRT

Kuala Lumpur, 16 Disember 2016: Hari ini merupakan hari yang bersejarah untuk Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) and Prasarana Negara Bhd dengan mulanya perkhidmatan MRT pertama di Malaysia.

Hari yang penuh bermakna ini ditambah pula kemeriahannya dengan pasangan pengantin Encik Mohd Saufi Hamzah dan Puan Rohana Shaib yang telah menaiki tren MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang.

Mohd Saufi, 46, dan Rohana, 40 dengan rombongan seramai 15 orang telah menaiki tren MRT di Stesen Sungai Buloh pada pukul 2.30 tengahari ke Stesen Surian sebelum kembali ke stesen permulaan mereka.

“Saya berasa sangat teruja menaiki perkhidmatan MRT pada hari pertama selepas ia dilancarkan semalam. Terutama apabila menaiki MRT bersama yang tercinta,” kata Mohd Saufi, yang merupakan Penolong Pengarang Berita BH Online.

Rohana berkata ini merupakan hadiah perkahwinan yang takkan dilupakan.

“Apatah lagi dengan menaiki MRT sehari setelah ia dilancarkan. Saya amat berbesar hati pada hari ini kerana diberi peluang untuk berkongsi detik istimewa ini bersama dengan penumpang lain,” kata Rohana, seorang Pegawai Tadbir di sebuah syarikat swasta.

Akad nikah yang berlangsung di Pejabat Agama Islam Daerah Petaling, Shah Alam pada pukul 10:30 pagi, diikuti dengan solat Jumaat sebelum mereka menaiki MRT.

Kehadiran pasangan mempelai nyata telah menarik perhatian penumpang MRT.

-tamat/-



Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

*Encik Leong Shen-Li
MRT Corp*

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

*Cik Amalina Ghazali
MRT Corp*

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my